



Headline: Penjawat awam rugi RM370,000 'dikikis' sindiket penipuan
Language: Malay

Publication/Portal: Kosmo

Section: Negara

Date: 8 July 2021

Page: 8

Penjawat awam rugi RM370,000 'dikikis' sindiket penipuan

KUANTAN – Seorang penjawat awam kerugian RM370,000 selepas diperdaya sindiket penipuan yang menyamar sebagai kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan pegawai polis.


Mangsa yang berusia 33 tahun dikatakan membuat pinjaman bank sebanyak RM250,000 untuk diserahkan kepada suspek kerana ketakutan selepas didakwa terlibat dalam kegiatan pengubahan wang haram.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, episod malang itu bermula selepas mangsa yang berkhidmat di sebuah agensi penguatkuasaan itu menerima panggilan daripada individu yang tidak dikenali pada 17 Jun lalu.

"Pemanggil yang memperkenalkan diri sebagai pegawai LHDN memaklumkan terdapat syarikat didaftarkan atas nama mangsa dan tidak membayar cukai.

"Mangsa diberitahu syarikat tersebut terbabit dalam aktiviti pengubahan wang haram sebelum talian disambungkan kepada Inspektor Azman dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang," katanya di sini semalam.

Menurut beliau, mangsa kemudian diarahkan memasuk-



MANGSA menyerahkan wang kepada suspek selepas didakwa terlibat kegiatan pengubahan wang haram. – GAMBAR HIASAN

kan sejumlah wang ke akaun yang diberikan.

Mangsa yang tidak mengesyaki apa-apa kemudian memasukkan wang berjumlah RM120,000 dalam masa lima hari sejak 16 Jun lalu.

"Mangsa memaklumkan dia kehabisan wang sebelum diarahkan oleh sindiket tersebut supaya membuat pinjaman bank," katanya.

Mangsa membuat pinjaman dengan dua bank berjumlah RM250,000 untuk diserahkan kepada suspek.

Kakitangan awam itu dia-

rahan memuat turun aplikasi Bank Negara Malaysia dan mengisi segala butiran bank di dalam aplikasi tersebut.

Mohd. Wazir menjelaskan, pada 30 Jun lalu, mangsa mendapati wang pinjamannya yang masuk ke akaun telah dipindahkan ke beberapa akaun lain sebelum menerima panggilan telefon daripada pihak bank mengenai transaksi yang mencurigakan.

Mangsa membuat laporan di Balai Polis Berserah dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.